

Lawatan Industri Zon Utara



Gambar kenangan bersama pegawai dan kakitangan Unit Geologi Marin dan Unit Pemetaan Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia, Ipoh, Perak

Lawatan Industri Zon Utara di Negeri Perak telah diselenggarakan pada 19 – 22 Julai 2010 oleh Prof. Madya Dr. Baba Musta dan Cik Kamsia Budin. Seramai 32 orang pelajar terlibat dalam lawatan ini yang melibatkan program Geologi seramai 6 orang, Biologi Pemuliharaan seramai 8 orang, Akuakultur 1 orang, Sains Marin seramai 5 orang, Matematik dengan Komputer Grafik 1 orang, Fizik dengan Elektronik 1 orang, Kimia Industri seramai 5 orang, Matematik dengan Ekonomi seramai 4 orang dan Sains Sekitaran 1 orang. Kawasan latihan industri melibatkan sektor awam dan juga swasta yang terdiri daripada agensi berkaitan pusat penyelidikan, kilang, dan penghasilan produk berasaskan bahan kimia, bahan getah dan pusat rawatan air. Hampir kesemua pelajar menunjukkan minat dan komited dengan tugas yang diberikan oleh penyelia industri dan beberapa pelajar telah ditawarkan untuk bekerja dan juga ditemuduga untuk tujuan perlantikan. Terdapat juga syarikat yang merasakan bidang kurang sesuai dengan penempatan pelajar kerana masih kekurangan pengetahuan tentang latar belakang yang berkaitan dengan tugas hakiki

mereka di tempat latihan industri. Secara keseluruhan lawatan ini berjaya mencapai objektif untuk merapatkan hubungan baik dengan industri yang mengambil pelajar SST untuk menjalankan latihan industri.

Artikel oleh: PM. Dr. Baba Musta



Gambar bersama Pengurus Printing Company
– Hong Yeap Engineering, Mr F. L.